

Impian melahirkan bangsa terhebat

BH: Rabu 20/6/2007

Misi 2057 dicetuskan Pak Lah kesinambungan legasi empat Perdana Menteri



Aspirasi

Bersama

Radzi Latif

E-mel: radzilatif@yahoo.com

MINGGU lalu, ada dua acara yang menarik perhatian umum. Pertama, Seminar Legasi Allahyarham Tun Abdul Razak anjuran Akademi Pemuda Umno yang menampilkan pelbagai hujah dan pandangan berhubung peranan Perdana Menteri Kedua itu oleh beberapa tokoh terkemuka dan ahli panel sama ada yang pernah berkhidmat, berdamping, bekerja dengannya serta cendekiawan bebas yang membuat kajian atau buku mengenai Allahyarham.

Kedua, sehari sebelum itu pula satu juman Kelab Perniagaan Kuala Lumpur diadakan, menampilkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyampaikan ucapatama bertajuk *Menoleh ke Belakang, Bergerak ke Depan: 50 Tahun Perniagaan di Malaysia*.

Walaupun kedua-dua majlis ini terasing dari segi matlamatnya, pokok persoalan perbincangannya amat rapat dengan suasana, persekitaran dan hasrat rakyat negara ini. Dalam ucaptamanya, Abdullah bercakap mengenai Misi 2057, iaitu jemaat terbaru hasrat Perdana Menteri untuk melihat keadaan rakyat dan negara ketika merayakan ulang tahun kemerdekaan ke-100 tahun kelak.

Daripada identiti organisasi penganjur dan tajuk ucapatama itu, jelas bahawa ia lebih tertumpu kepada persoalan perniagaan atau ekonomi yang turut menjadi tunjang perbincangan supaya setiap pihak menilai perkembangan yang sudah pun berlaku dan yang wujud hari ini dengan pengalaman yang ada, maka mereka seharusnya bergerak ke depan untuk mencipta kejayaan.

Dalam suasana berbeza, dasar yang digubal ketika pentadbiran Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein tidak terlepas daripada memikirkan masalah yang sama. Sewaktu pentadbiran beliaulah Dasar Ekonomi Baru (DEB) digubal dan dilancarkan pada 1970 selepas peristiwa 13 Mei 1969. Daripada tajuk ucapatama Abdullah itu bo-

leh disimpulkan bahawa perbincangan mengenai perniagaan dan ekonomi, terutama membabitkan orang Melayu tidak akan selesai meskipun tempoh DEB sudah lama berakhir.

Sama ada perkara sama akan dibincangkan 50 tahun akan datang, bergantung kepada pencapaian hari ini dan beberapa tahun menjelang.

Jika Abdullah melihat 50 tahun ke depan mulai sekarang, pandangan dan dasar yang difikir dan dirumuskan Allahyarham Tun Razak pula disifatkan sebagai mendahului 40 tahun dari zamannya. Sebagai perbandingan, jika Abdullah melihat jauh 50 tahun, ia tidak ada bezanya dengan Allahyarham Tun Abdul Razak.

Pandangan, pemikiran serta dasar yang dirumuskan Allahyarham Tun Abdul Razak yang dikatakan mendahului 40 tahun dari zamannya terbukti relevan hingga ke hari ini dan pada masa akan datang walaupun beliau sudah meninggalkan kita lebih 30 tahun lalu.

Jangkauan 'impian' Abdullah amat panjang dan ia bukanlah sesuatu yang mustahil dicapai. Menerusi misi inilah beliau akan membuat persediaan dari pelbagai sudut bagi memastikan generasi yang belum pun lahir, benar-benar mendapat manfaatnya. Seandainya mereka lahir dalam jarak masa sekarang, umur mereka menjangkau 50 tahun pada 2057. Ini bermakna generasi 2057 akan dididik dengan sistem yang akan mencorakkan mereka adalah satu bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Seperti Allahyarham Tun Razak mahu melihat generasi hari ini hasil DEB yang dicetuskannya, Abdullah pula mengimpikan bentuk anak Malaysia pada 50 tahun akan datang. Kita percaya dalam merangka dasar baru nanti terutama penerusan rancangan lima tahun Malaysia bermula dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) akan mengambil kira Misi 2057. Bagaimanapun, pelaksanaannya nanti akan banyak dicorakkan berasaskan kejayaan Wawasan 2020 kerana Misi 2057 adalah penerusan kepada Wawasan 2020 yang dicetuskan Perdana Menteri Keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Berbeza dengan Allahyarham Tun Abdul Razak, kejayaan beliau dianggap luar biasa kerana dalam tempoh kira-kira lima tahun menjadi Perdana Menteri, beliau terpaksa

menghadapi begitu banyak masalah seperti konfrontasi dengan Indonesia, tuntutan Sabah oleh Filipina, menghadapi provokasi politik dan perkauman berikutan perpisahan Singapura daripada Malaysia, kesan peristiwa 13 Mei 1969 dan pengubalan DEB yang menimbulkan pelbagai perspektif kontroversi.

Pada zaman Abdullah, beliau tidak sunyi daripada masalah besar termasuklah menghadapi kesan gejala liberalisasi, kesan penglobalan dunia, krisis ekonomi, kerena kuasa besar, peperangan yang berorientasikan etnik dan agama serta lain-lain yang mempunyai kesan politik yang amat besar kepada negara.

Dari konteks dan perspektif apa sekali pun, kita melihat antara DEB, diikuti dengan Wawasan 2020 dan Misi 2057, mempunyai pertalian yang amat rapat. Sudah tentunya ia bertali arus bermula dari dasar Perdana Menteri pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman, begitu juga Allahyarham Tun Hussein Onn, masing-masing mempunyai legasi tersendiri yang turut memberi sumbangan besar ke arah kemajuan rakyat dan negara. Setiap dasar negara yang digubal berpandukan kepada susur galur bertahap-tahap.

Berbeza dengan DEB yang menimbulkan kegelisahan sesetengah pihak akibat perspektif yang berbeza kerana menganggap ia adalah dasar untuk kepentingan satu kaum saja berikutan penggubalannya selepas konflik kaum, Misi 2057 tidak perlu menimbulkan kekalutan kerana ia terhasil tanpa sebarang konflik dan ia mudah difahami dan menjadi impian untuk semua rakyat Malaysia. Oleh itu, tidak ada sebab wujud mana-mana pihak menyatakan ketidakpuasan hati mereka berhubung Misi 2057, lagi pun setakat ini ia bukanlah satu dasar yang diluluskan Akta Parlimen.

Seperti dijelaskan oleh Abdullah ketika menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-100 pada 2057 nanti, rakyat dan bangsa Malaysia sudah pun mencapai kejayaan yang tidak pernah difikirkan. Ini bermakna apa saja yang belum pernah termimpi dilakukan rakyat negara ini, bukan lagi satu igauan pada waktu itu.

Bagaimana pun, semua yang diimpikan itu adalah perkara yang positif dan demi kepentingan bangsa dan negara. Sekadar beberapa contoh, Abdullah menyatakan bahawa ketika itu Malaysia akan mela-

hirkan pemenang hadiah Nobel, mewujudkan syarikat yang benar-benar global, dihormati dan memasarkan jenama terkenal, mempunyai penyair dan artis diiktiraf dunia, memiliki paten saintifik terbesar di dunia, ahli sukan terkemuka, malah skuad bola sepak terbaik di Asia.

Pelajar dan profesor negara ini pula akan menguasai universiti terkemuka dunia, manakala universiti tempatan akan menjadi pusat kecemerlangan untuk cendekiawan antarabangsa. Ketika itu, Malaysia juga akan menjadi perintis tenaga alternatif, lahir daripada kelebihan kita dalam biofuel. Bandar raya kita paling ceria dengan gabungan kemudahan kosmopolitan yang bertunjangkan masyarakat adil dan bertolak ansur.

Ketika itu sikap rakyat negara ini hanya berminat untuk melihat perkara-perkara yang boleh mendatangkan kebaikan, mempunyai kelebihan untuk bersaing dan menerajui banyak industri strategik. Malaysia waktu itu akan menjadi hab logistik sebenar, pusat kewangan Islam terkemuka dan tempat rujukan global bagi bioteknologi dan pertanian moden.

Misi 2057 Abdullah dan hasratnya ke arah pembinaan modal insan yang berilmu, berketrampilan dan berkemahiran termasuk berbudi pekerti mulia mempunyai kaitan antara satu dengan lain. Pembangunan modal insan yang diutamakan Abdullah untuk mewujudkan rakyat Malaysia bertaraf dunia mempunyai kaitan dengan Misi 2057. Ini juga jelas menunjukkan betapa Abdullah memberi penekanan kepada soal pendidikan pada semua peringkat. Untuk menjadi insan yang lengkap perlulah dididik pada peringkat awal.

Kejayaan Misi 2057 sudah tentu banyak bergantung kepada pembinaan modal insan yang diterapkan dalam pentadbiran kerajaan hari ini, Misi 2057 bukan sekadar pembangunan fizikal negara. Ia adalah pembentukan insan terbilang. Jika Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein dan Tun Dr Mahathir dikenali tokoh hebat di mata dunia, sudah tentulah lebih ramai tokoh Malaysia dapat diwujudkan menjelang 2057.

Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif adalah Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM)